

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 16 / 11 / 2007

Cari modal tubuh Bank DMDI

Oleh LUKMAN ISMAIL

MELAKA 15 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa negara-negara anggota Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) mencari modal yang mencukupi terlebih dahulu jika mahu menubuhkan Bank DMDI.

Perdana Menteri yang menyambut baik cadangan penubuhan bank itu berkata, keperluan juga perlu dilihat terlebih dahulu jika institusi kewangan itu benar-benar mahu diwujudkan.

"Nak buat bank boleh dapatkan lesen. Tapi ongkos (modal) kena dicari dulu, pastikannya mencukupi.

"Kena juga fikir bank itu untuk apa. Apakah ia bank komersial, bank pembangunan atau bank simpanan... itu perlu difikirkan," kata Perdana Menteri pada sesi dialog selepas merasmikan Konvensyen DMDI kelapan di sini petang ini.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab pertanyaan seorang peserta konvensyen dari Riau, Indonesia yang mencadangkan diwujudkan Bank DMDI.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Melaka merangkap Presiden DMDI, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Gabenor Kepulauan Riau, Indonesia, Drs. Ismeth Abdullah.

Pada konvensyen sebelah pagi, Gabenor Bangka Belitung, Indonesia, Ir. Eko Maulana Ali Suroso, yang membentangkan kertas kerjanya turut menyentuh mengenai perlunya diwujudkan sebuah bank bersama di kalangan anggota DMDI.

Menurut Abdullah, jika bank tersebut diwujudkan bagi menyediakan modal untuk perniagaan dan keperluan industri

kecil dan sederhana, cadangan tersebut boleh dipertimbangkan.

"Kalau perniagaan sudah besar, logiknya kenalah ada bank sendiri," jelas beliau.

Menjawab pertanyaan seorang lagi peserta berhubung pembinaan jambatan antara Melaka dan Dumai di Indonesia, Perdana Menteri berkata, cadangan tersebut perlu difikirkan semasak-masaknya.

"Saya tidak kata jangan dan tak juga kata ya. Tapi ia mesti difikir sampai habis sebab bukan murah harganya. Kalau difikirkan boleh, bolehlah tapi kalau tak boleh jangan cuba. Jangan sampai nanti bina separuh jalan tak selesai.

"Lagipun banyak lagi keperluan lain yang perlu dilaksanakan," jelas beliau.

Idea pembinaan jambatan yang menghubungkan Melaka dengan Sumatera pernah dicetuskan oleh Mohd. Ali bagi merapatkan hubungan kedua-dua negara di samping meningkatkan pertumbuhan ekonomi kawasan terbabit.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri menggesa umat Islam di dunia Melayu supaya meningkatkan modal insan kerana ia penting bagi mengekalkan tamadun bangsa.

Beliau berkata, orang Islam boleh berjaya jika mempunyai bekalan ilmu yang mencukupi pada peringkat tertinggi dalam bidang-bidang yang diceburi.

"Menuntut ilmu ialah fardu kifayah dan kita tidak boleh tinggalkan umat Islam dalam keadaan buta huruf. Ini kerana orang yang berilmu lebih tinggi darjatnya dan dihormati," kata Abdullah.

Pada majlis itu, Perdana Menteri telah diberikan anugerah tertinggi DMDI iaitu Anugerah Mansur Shah DMDI.

Turut menerima pelbagai anugerah DMDI lain ialah 29 tokoh pemimpin

UM - 16/11/2007



ABDULLAH Ahmad Badawi dianugerahkan pingat Sultan Mansur Shah oleh Mohd. Ali Rustam sambil diperhatikan oleh Mohamad Hasan (kiri) dan Ismeth Abdullah, Gabenor Kepulauan Riau pada Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam Ke-8 di Melaka, semalam.

- Gambar GAIE UCHEL

DMDI dari dalam dan luar negara.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyaksikan 16 pemeteraian perjanjian persefahaman melibatkan entiti-entiti di Malaysia, Indonesia dan Sri Lanka bernilai RM96 juta.

Ia meliputi bidang-bidang bioteknologi, hartanah, teknologi maklumat dan komuni-

kasi, kebudayaan, pasar raya, pelancongan, pemasaran, pengangkutan, perhotelan, pendidikan serta perusahaan kecil dan sederhana.

Terdahulu Sebanyak 16 memorandum juga ditandatangani. MoU tersebut melibatkan agensi kerajaan dan swasta dari negeri ini, Malaysia, Indonesia dan Sri Lanka.